

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Teknologi jadi halangan

Teknologi jadi halangan

Orang Asli kurang faham PADU kerana masalah liputan internet, tidak celik teknologi

SUNGAI SIPUT

Ketidaaan liputan internet dan tidak celik teknologi maklumat (IT) menjadi masalah kepada penduduk Orang Asli sekitar kawasan ini untuk memahami pelaksanaan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang diperkenalkan kerajaan.

Malah, Tok Batin Kampung Bersah, Hadu Long berkata, beliau sendiri sukar untuk memberi penjelasan kepada penduduk yang bertanyakan mengenai sistem itu disebabkan kekangan maklumat.

"Kita tahu sistem PADU ini ada dihebahkan di televisyen dan radio, tapi kami masih kurang jelas. Ada anak-anak muda merujuk kepada saya dan tok batin lain kerana tidak faham, tetapi kami sendiri pun tidak dapat menyampaikan maklumat dengan tepat," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Hadu berkata, ada juga penduduk yang ragu-ragu untuk mendaftar atas

faktor keselamatan, selain bimbang terjerat dengan penipuan scammer.

Berikut itu, beliau berkata, adalah lebih baik sekiranya kaedah bersama-sama dilakukan bagi memudahkan penduduk memahami pelaksanaan PADU ini dengan lebih jelas.

"Pihak berkaitan boleh bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakaos) untuk turun padang memberi penerangan. Kita ada kemudahan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Bawong dekat sini."

"Lebih 40 tok batin di daerah ini bersedia untuk mengetahui sistem ini lebih terperinci, sekali gus mengelakkkan penduduk tercici sebelum tarikh tutup pada 31 Mac depan," ujarnya.

Sementara itu, penduduk, Hassan Busu, 32, mengaku tidak mengetahui berkenaan sistem PADU ini.

"Maaf, baru pertama kali saya dengar PADU ini. Apa yang dimaksudkan PADU? Tiada pula perkara ini dihebahkan atau dibincangkan dalam kalangan penduduk kampung," katanya.

Seorang lagi penduduk, Ramli Alang, 48, turut mengaku tidak pernah mendengar atau mengetahui lanjut sistem baharu itu.

"Saya tidak tahu, tidak pernah dengar langsung PADU ini kerana jarang menonton televisyen. Saya kena tanya tok batin selepas ini," katanya.

LAPORAN
MUKA
DEPAN



HADU



HASSAN